

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 22 April, 2019 10:35 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Edutourism Lonjak Pelancongan Di UUM Dan Kawasan Sekitar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

22 APRIL 2019 / 16 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita dan gambar oleh: STHEM

EDUTOURISM LONJAK PELANCONGAN DI UUM DAN KAWASAN SEKITAR



UUM ONLINE: Ingin menjadikan Edutourism sebagai platform promosi pelancongan, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) telah menganjurkan 'Edutourism Talk' di DKG 3/3, baru-baru ini.

Dekan STHEM, Dr. Johan Afendi Ibrahim berkata, *talk* itu bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berkaitan tarikan dari aspek pelancongan di dalam dan luar kampus UUM serta kawasan sekitarnya.

Katanya, terdapat pelbagai kemudahan yang terdapat di UUM yang berpotensi menyokong pelancongan pendidikan dan seterusnya berupaya menarik kedatangan masyarakat luar ke UUM yang bukan sahaja sebagai destinasi melanjutkan pengajian, malah pelancongan.

"Saya juga menggalakkan pelajar dari Persatuan Pengurusan Pelancongan untuk memulakan dan menjadikan platform program itu bagi menjayakan program Edutourism sebagai contoh dan promosi kepada orang lain dan pihak luar.

"Edutourism ini bukan hanya sekadar melihat tetapi memikirkan apa produk yang boleh dilonjakkan dalam aspek pelancongan," katanya yang turut menjadi penceramah program berkenaan bersama Pengurus Bahagian Edutourism UUM, Muhammad Fauzi Mokhtar.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.